

NO. SOALAN: 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING

TARIKH : 10 OGOS 2017

RUJUKAN :

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah dasar Kerajaan dalam pengawalan penjualan kamera tersembunyi dan alat pengintipan lain di pasaran, termasuknya kedai, gerai ataupun secara atas talian.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius tentang kegiatan jenayah yang dilakukan oleh sebilangan masyarakat yang tidak bertanggungjawab dan menyalahgunakan teknologi dan juga kecanggihan gadget yang kian berkembang.

Penggunaan kamera pengintip atau “Spy Camera” untuk tujuan kebaikan tidak menjadi kesalahan tetapi jika digunakan untuk mengambil gambar berunsur lucuh atau mengaibkan kehormatan seseorang adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 292 Kanun Keseksaan atau Seksyen 509 Kanun Keseksaan.

PDRM tidak mempunyai statistik khusus berkaitan dengan kesalahan yang yang berkait dengan penyalahgunaan kamera pengintip ini. Siasatan yang dibuat di bawah seksyen 292 dan seksyen 509 Kanun keseksaan adalah terhadap kesalahan mengedar gambar-gambar atau video sama ada di ambil dari kamera pengintip atau video pengintip tapi tidak kepada penyalahgunaan gajet tersebut.

SULIT